

Model Pembelajaran Digital Bahasa Melayu: Aplikasi Rimba Riang dan Keberkesanannya terhadap Literasi Asas

Azean Idruwani Idrus^{1*}, Nuwaira Zafira Zafri¹, Nor Alia Nadia Husain¹, Nur Aqilah Abd Halim¹, Nur Azmina Izzatulrazan Ibrahim¹, Syamimi Sulaiman¹ & Anis Shafierah Mohamad Adli¹

¹Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Pagoh, Johor, Malaysia

*Corresponding author: Azean Idruwani Idrus (azeanidruwaniidrus@iiu.edu.my)

Received: 8 August 2025

Received in revised form: 30 November 2025

Accepted: 3 December 2025

Published: 18 December 2025

ABSTRAK

Secara umum, penguasaan asas bahasa Melayu dari segi kemahiran lisan dan tulisan merupakan elemen yang amat penting bagi setiap rakyat Malaysia, khususnya dalam konteks pembelajaran formal di peringkat sekolah rendah. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap penguasaan asas kemahiran lisan dan tulisan dalam kalangan murid Tahun 2 dan Tahun 3 di SJK (T) Ladang Lanadron. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk mengaplikasikan Model Digital Rimba Riang (MDRR) sebagai satu bentuk intervensi dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid yang terlibat. Kajian ini dengan melibatkan seramai 24 orang murid sebagai responden. Instrumen kajian merangkumi ujian pra dan pasca bagi menilai tahap penguasaan sebelum dan selepas pelaksanaan MDRR. Dapatan menunjukkan bahawa tahap penguasaan asas kemahiran lisan dan tulisan dalam kalangan murid adalah berada pada tahap tinggi, iaitu pada Band 6. Namun begitu, kelemahan masih dikenal pasti dalam aspek fonetik, terutamanya dari segi penyebutan dan pembunyian huruf. Penggunaan MDRR didapati berkesan dalam membantu mengatasi kelemahan ini. Peningkatan yang signifikan telah dicatatkan melalui peratusan responden yang mencapai Band 6 dan Band 5, berbanding Band 4 dan Band 3 sebelum intervensi dijalankan. Secara keseluruhannya, penggunaan MDRR dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) memberikan impak yang positif terhadap penguasaan fonetik, sekali gus memperkukuh kemahiran asas membaca dan menulis murid secara lebih berkesan dan sistematik.

Kata Kunci: Model Digital, Bahasa Melayu; Lisan, Murid, Tulisan

ABSTRACT

Basic mastery of the Malay language, both in oral and written forms, is crucial for every Malaysian, particularly in the context of formal learning at the primary school level. This study aimed to assess the level of basic mastery of oral and written skills among Year 2 and Year 3 students at SJK (T) Ladang Lanadron. Furthermore, the study sought to implement the Rimba Riang Digital Model (MDRR) as an intervention to enhance Malay language proficiency among the participating students. This study included 24 students as participants. The study utilized pre- and post-tests to evaluate the mastery level before and after the implementation of the MDRR. The findings indicated that the students exhibited a high level of basic mastery in oral and written skills, achieving an overall level of Band 6. However, certain weaknesses were identified, particularly in the phonetic aspect, such as pronunciation and the articulation of letters. The implementation of the MDRR proved effective in addressing these weaknesses. A significant increase was observed in the percentage of respondents achieving Band 6 and Band 5, compared to those in Band 4 and Band 3 prior to the intervention. Overall, the use of MDRR during Teaching and Learning (T&L) sessions positively impacted phonetic mastery, enabling students to develop their basic reading and writing skills more effectively and systematically.

Keywords: Digital Model; Malay language; Oral, Students; Written

Pengenalan

Dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan hari ini, setiap individu bertanggungjawab menimba ilmu secara berterusan melalui penguasaan kemahiran serta penguasaan disiplin ilmu yang menyeluruh. Dalam konteks pendidikan negara, Bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai mata pelajaran teras di semua sekolah rendah, tanpa mengira latar belakang kaum dan jenis sekolah. Hal ini selaras dengan dasar pendidikan kebangsaan yang mengutamakan perpaduan

nasional melalui bahasa. Seiring dengan perubahan dan perkembangan integrasi teknologi digital telah menjadi salah satu pemangkin utama dalam penyampaian ilmu, khususnya bagi pengajaran bahasa di sekolah rendah. Teknologi bukan sahaja menyediakan medium interaktif dan menyeronokkan, malah mampu membantu murid menguasai bahasa melalui aplikasi pembelajaran digital, permainan pendidikan, serta platform dalam talian yang mesra pengguna. Perubahan ini selaras dengan penekanan Kementerian Pendidikan Malaysia terhadap penguasaan kemahiran abad ke-21 yang menuntut murid celik teknologi, berfikir kritis dan berdaya saing. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan peralihan daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang lebih menekankan kemahiran abad ke-21. Kurikulum ini merangkumi pelbagai komponen penting dalam penguasaan bahasa seperti kemahiran mendengar dan bertutur, mengeja dan menulis, serta kemahiran seni bahasa dan tatabahasa (Raja Gopal et al., 2022). Penggunaan teknologi digital dalam pengajaran Bahasa Melayu berupaya meningkatkan motivasi, kefahaman, serta penguasaan kemahiran asas literasi murid kerana mereka dapat belajar dalam suasana yang lebih kreatif dan kondusif (Nik Abdullah et al., 2023). Secara asasnya, tiga kemahiran utama yang perlu dikuasai oleh murid ialah kemahiran membaca, menulis, serta mendengar dan bertutur. Ketiga-tiga kemahiran ini saling berkait dan menjadi asas kepada pembinaan keupayaan komunikasi yang efektif. Ali dan Othman (2018) menegaskan bahawa penguasaan kemahiran menulis membolehkan murid menterjemah pemikiran dan bacaan dalam bentuk penulisan yang tersusun.

Namun begitu, dalam realiti pendidikan negara yang bersifat majmuk, terdapat cabaran signifikan dalam kalangan murid bukan berbangsa Melayu, terutamanya murid sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT), yang menghadapi kesukaran menguasai bahasa Melayu, khususnya dalam aspek pertuturan dan penulisan. Kajian oleh Nahar dan Abd. Rahman (2018) mendapati bahawa tahap kemahiran bertutur dalam kalangan murid SJKT di daerah Kuantan berada pada tahap yang sederhana. Keadaan ini amat membimbangkan memandangkan bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang memainkan peranan penting dalam menjana kesatuan sosial dan kelangsungan kehidupan bermasyarakat. Ketidakupayaan menguasai kemahiran ini bukan sahaja menjejaskan aspek komunikasi harian, malah memberi impak negatif terhadap pencapaian akademik keseluruhan pelajar. Kelemahan dalam penguasaan Bahasa Melayu juga menyebabkan prestasi murid dalam subjek ini berada pada tahap yang membimbangkan, sekali gus menjejaskan prestasi akademik secara menyeluruh.

Beberapa faktor dikenal pasti menjadi punca kelemahan ini. Antaranya ialah latar belakang sosio-budaya murid yang menjadikan bahasa ibunda sebagai bahasa komunikasi utama di rumah dan dalam persekitaran sosial mereka. Kajian oleh Raja Gopal et al. (2022) menunjukkan bahawa kesukaran membina ayat bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun Empat SJKT berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda yang kuat. Selain itu, walaupun kerajaan telah memperjuangkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah, pelaksanaan dasar ini masih menghadapi pelbagai kekangan, khususnya di sekolah vernakular. Faktor ekonomi turut menyumbang kepada permasalahan ini. Kajian Mahamod et al. (2021) mendapati bahawa kekurangan bahan bantu belajar di rumah menyebabkan murid bergantung sepenuhnya kepada sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di sekolah. Tanpa sokongan dan latihan tambahan di rumah, murid berhadapan dengan kesukaran untuk menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Tambahan pula, strategi pengajaran dan pendekatan PdP yang tidak seragam serta tidak mengambil kira tahap kesediaan dan keperluan murid turut menjadi punca kepada kegagalan dalam penguasaan bahasa. Nik Abdullah et al. (2023) menekankan bahawa pengabaian terhadap strategi pembelajaran yang sesuai dan berkesan akan menyebabkan murid gagal menerima input pembelajaran secara optimum. Keadaan ini lebih ketara apabila pendekatan pengajaran tidak dirancang secara individualistik atau bersifat peribadi kepada murid yang lemah. Satu lagi aspek yang merisaukan ialah penurunan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan murid SJKT di luar waktu PdP. Murid lebih selesa menggunakan bahasa ibunda dalam interaksi seharian, dan ini mengurangkan peluang mereka untuk mempraktikkan bahasa Melayu secara aktif. Ketiadaan keperluan mendesak untuk menguasai bahasa Melayu, terutamanya selepas pemansuhan peperiksaan UPSR dan PT3, menjadikan murid semakin jauh daripada bahasa kebangsaan. Sivaratanam (2019) menyatakan bahawa kelemahan guru dalam memantapkan kemahiran tatabahasa murid sebelum menamatkan tahun enam menyebabkan prestasi murid kekal rendah hingga ke peringkat menengah.

Model Digital Rimba Riang (MDRR) merupakan satu inovasi pedagogi dalam pendidikan Bahasa Melayu yang direka bentuk khusus untuk memperkukuh penguasaan kemahiran literasi asas dalam kalangan murid sekolah rendah. Melalui integrasi platform digital interaktif, MDRR menyediakan peluang pembelajaran yang lebih berkesan dengan menekankan aspek membaca, menulis, mendengar, dan bertutur dalam suasana yang kondusif serta menyeronokkan. Komponen utama MDRR terdiri daripada beberapa elemen yang saling melengkapi. Pertama, aplikasi

digital Rimba Riang yang mengandungi animasi, lagu, permainan interaktif, serta aktiviti latihan, yang membolehkan murid belajar sama ada secara sendiri mahupun dengan bimbingan guru. Kedua, bahan interaktif yang menggunakan tema alam rimba bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan relevan dengan dunia kanak-kanak. Ketiga, aktiviti literasi bertahap yang disusun secara sistematik bermula daripada pengecaman huruf, bacaan perkataan mudah, ayat ringkas, sehinggalah kepada pemahaman teks. Keempat, elemen gamifikasi yang menampilkan sistem ganjaran berbentuk mata, bintang, dan cabaran interaktif, yang berfungsi meningkatkan motivasi serta keterlibatan murid sepanjang proses pembelajaran. Keistimewaan model ini turut terletak pada pengintegrasian unsur budaya tempatan melalui penggunaan watak, cerita, dan lagu yang dekat dengan persekitaran murid di Malaysia. Justeru, MDRR bukan sahaja menampilkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang inovatif dan interaktif, malah seiring dengan aspirasi pendidikan negara yang menekankan pemanfaatan teknologi digital dalam meningkatkan kualiti pendidikan abad ke-21. Hal ini memberi gambaran jelas bahawa intervensi baharu seperti MDRR yang bersifat inovatif perlu dilaksanakan bagi membantu murid SJKT menguasai kemahiran asas dalam bahasa Melayu. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan asas kemahiran lisan dan tulisan dalam kalangan murid Tahun 2 dan Tahun 3 di SJK (T) Ladang Lanadron, mengaplikasikan Model Digital Rimba Riang (MDRR) sebagai satu intervensi dalam usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu secara sistematik dan berkesan seterusnya menilai keberkesanan penggunaan teknologi digital melalui MDRR dalam membantu murid membina literasi asas bahasa Melayu dengan lebih menyeronokkan, konsisten, dan praktikal.

Sorotan Literatur

Bakthaselvan et al. (2022) telah menjalankan kajian tinjauan bertajuk *Pembangunan Modul Karangan E-BMKU untuk Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)*. Kajian ini memfokuskan kepada penghasilan modul multimedia interaktif yang bertujuan memperkukuh kemahiran penulisan karangan dalam bahasa Melayu. Modul yang dinamakan Modul Karangan E-BMKU ini mengintegrasikan konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan dibangunkan melalui pendekatan kualitatif berasaskan model reka bentuk instruksional ADDIE yang merangkumi lima fasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Modul Karangan E-BMKU berupaya membantu murid SJKT menguasai kemahiran menulis karangan dengan lebih berkesan melalui kaedah pembelajaran yang menarik. Penggunaan elemen multimedia interaktif didapati berjaya meningkatkan minat murid untuk memahami serta mempraktikkan penulisan bahasa Melayu secara tepat dan berkesan.

Kajian oleh Raja Gopal et al. (2022) yang bertajuk *Kekangan Kemahiran Membina Ayat Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Tahun Empat SJKT* mendapati bahawa murid sekolah Tamil gagal membentuk ayat bebas daripada kesalahan tatabahasa, selain menunjukkan tahap penguasaan bahasa Melayu yang rendah. Isu utama yang dikenal pasti ialah kelemahan dari aspek tatabahasa, di samping sikap kurang berminat mempelajari bahasa Melayu kerana dianggap sukar difahami. Faktor bahasa ibunda turut mempengaruhi susunan dan kejelasan penulisan mereka. Justeru, kajian ini mencadangkan agar guru mempelbagaikan kaedah pengajaran serta meningkatkan pengetahuan dalam mengaplikasikan kemahiran membina ayat melalui bahan dan strategi pembelajaran yang kreatif serta berkualiti bagi meningkatkan pencapaian kemahiran menulis murid SJKT pada masa hadapan.

Kajian oleh Sivaratanam et al. (2019) berkenaan *Penguasaan Golongan Kata dalam Kalangan Murid SJKT* menunjukkan bahawa murid tahap dua kurang mahir menguasai sistem tatabahasa tahap satu. Majoriti murid gagal menjawab ujian penilaian kemahiran tatabahasa dengan betul, menandakan bahawa mereka dihantar ke darjah seterusnya tanpa pementapan kemahiran tatabahasa. Analisis juga mendapati guru tidak membuat penilaian khusus terhadap penguasaan tatabahasa secara menyeluruh. Keadaan ini menimbulkan cabaran kepada guru yang mengajar murid darjah enam, sekali gus memberi kesan terhadap prestasi mereka dalam UPSR, khususnya dalam kertas pemahaman bahasa Melayu. Selain itu, dapatan tinjauan dan pemerhatian menunjukkan bahawa Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) tidak merangkumi keseluruhan sistem tatabahasa yang perlu diajar. Kajian ini seterusnya mengesyorkan agar guru memberi pendedahan kemahiran tatabahasa secara berterusan dan bersepadu sejak di peringkat rendah bagi memastikan kemahiran tersebut dapat diperkukuh secara progresif.

Kajian oleh Nik Abdullah et al. (2023) bertajuk *Pembangunan Kad Bacaan dalam Membantu Kemahiran Membaca Kanak-kanak 4 Tahun* menunjukkan bahawa penggunaan Permainan Kad Bacaan memberikan kesan positif yang signifikan terhadap perkembangan kemahiran membaca. Kaedah ini bukan sahaja membantu guru merancang sesi pembelajaran yang lebih dinamik dan interaktif, malah mampu menarik minat kanak-kanak untuk terlibat secara aktif

dalam proses pembelajaran. Pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan ini didapati meningkatkan kefahaman membaca secara berkesan. Oleh itu, permainan Kad Bacaan dapat dianggap sebagai pendekatan relevan dan efektif untuk menyokong pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta membantu memperkukuh kemahiran membaca kanak-kanak secara holistik.


Sementara itu, kajian oleh Mahamod et al. (2021) mendapati bahawa murid B40 daripada kaum Cina, India, dan Melayu secara umumnya mempunyai tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis yang sangat terhad. Kelemahan ini memberi kesan terhadap prestasi mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan subjek lain. Faktor kekangan kewangan menghalang sebahagian besar murid B40 mengikuti kelas tuisyen, di samping pengaruh persekitaran, rakan sebaya, serta kaedah pengajaran guru yang kurang berkesan. Sehubungan itu, kajian ini menegaskan keperluan kerjasama strategik antara ibu bapa, guru, dan murid bagi menangani isu kemahiran membaca dan menulis secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, dapatan daripada kajian-kajian ini membuktikan bahawa penggunaan model pembelajaran berasaskan teknologi digital serta bahan pengajaran yang inovatif dan pelbagai mampu meningkatkan kualiti pembelajaran bahasa Melayu. Pendekatan ini berpotensi untuk diintegrasikan dalam kurikulum formal sebagai strategi pengajaran yang lebih efektif dan berkesan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif bagi menilai tahap penguasaan asas lisan dan tulisan Bahasa Melayu serta keberkesanan Model Digital Rimba Riang (MDRR) dalam kalangan murid Tahun 2 dan 3 di SJK (T) Ladang Lanadron. Instrumen utama kajian ini ialah ujian pra dan pasca yang melibatkan penilaian bertulis serta membaca. Soalan-soalan ujian disusun berlandaskan silibus Bahasa Melayu Tahun 2 dan Tahun 3 Ujian bertulis dibina dengan mengambil kira empat bentuk soalan iaitu mengisi tempat kosong berdasarkan gambar, memadankan gambar dengan perkataan yang betul, menjawab soalan kefahaman berdasarkan petikan ringkas serta menyusun dan menyalin semula ayat dengan betul. Bagi ujian membaca pula, dua bahagian utama dinilai iaitu bacaan perkataan yang terdiri daripada dua hingga tiga suku kata dan bacaan teks ringkas yang mengandungi lima ayat. Kedua-dua bentuk ujian ini digunakan untuk menilai penguasaan asas murid dalam aspek menulis dan membaca sebelum intervensi dijalankan dan selepas intervensi dilaksanakan. Kajian ini dijalankan di SJK (T) Ladang Lanadron, Panchor, Johor.


Populasi kajian terdiri daripada murid-murid Tahun 2 dan Tahun 3 di sekolah berkenaan. Seramai 24 orang murid telah dipilih sebagai sampel kajian dengan menggunakan teknik snowball sampling. Pemilihan murid Tahun 2 dan 3 adalah bersesuaian kerana mereka telah memiliki asas Bahasa Melayu sejak di Tahun 1. Justeru, tahap penguasaan mereka dilihat wajar untuk dinilai sebelum mereka melangkah ke Tahap Dua iaitu Tahun 4 hingga Tahun 6. Kaedah pengumpulan data dilakukan melalui ujian pra yang melibatkan penilaian bertulis dan membaca. Ujian ini bertujuan mengonfirmasi tahap penguasaan asas murid dalam kemahiran lisan dan tulisan. Seterusnya, intervensi menggunakan Model Digital Rimba Riang (MDRR) telah dilaksanakan dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Selepas sesi intervensi tersebut, murid menjalani ujian pasca menggunakan set soalan yang berbeza tetapi masih menepati silibus Bahasa Melayu Tahun 2 dan 3 bagi menilai kesan penggunaan model digital terhadap tahap penguasaan mereka. Data yang diperolehi daripada kedua-dua ujian pra dan pasca dianalisis secara deskriptif. Analisis ujian pra dilaksanakan berdasarkan tahap penguasaan yang ditetapkan dalam BAND pada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR bagi menilai penguasaan menulis dan membaca murid. Sementara itu, analisis ujian pasca yang menjawab objektif kedua pula digunakan untuk menilai keberkesanan MDRR dalam meningkatkan kemahiran lisan dan tulisan murid seperti dalam Rajah 1. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat membuat perbandingan secara jelas mengenai tahap penguasaan murid sebelum dan selepas intervensi serta menilai keberkesanan model digital yang diperkenalkan.



Rajah 1. Reka Bentuk Kajian MDRR dan Literasi Asas Murid


Dapatan Kajian

Penilaian tahap asas kemahiran lisan dan tulisan dalam Bahasa Melayu telah dijalankan terhadap 24 orang murid Tahun Dua dan Tahun Tiga di SJK (T) Ladang Lanadron, Panchor, Muar, Johor. Ujian awal ini bertujuan menilai tahap penguasaan asas Bahasa Melayu dalam kalangan murid berbangsa India. Dapatan daripada ujian tersebut dijadikan asas rujukan oleh pengkaji dalam mereka bentuk Model Digital Rimba Riang (MDRR), yang kemudiannya diaplikasikan oleh murid semasa sesi pembelajaran subjek Bahasa Melayu di dalam kelas. Rajah 2 memperlihatkan dapatan bagi kedua-dua bentuk ujian, iaitu ujian bertulis dan ujian membaca.



Rajah 2. Peratusan Tahap Penguasaan Asas Kemahiran Menulis dalam Bahasa Melayu

Berdasarkan Rajah 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti murid Tahun Dua dan Tahun Tiga berada pada tahap mahir dalam kemahiran asas penulisan bahasa Melayu. Sebanyak 42% ($n = 10$) murid memperoleh Band 6, iaitu tahap tertinggi dalam penilaian ini. Pencapaian pada Band 6 membuktikan bahawa murid berkenaan menguasai aspek pengetahuan dan kefahaman dalam pembinaan ayat secara terperinci, konsisten, serta berupaya menjadi model rujukan kepada murid lain. Seterusnya, peratusan kedua tertinggi ialah Band 5, iaitu 29% ($n = 7$) murid. Pencapaian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar murid menguasai kemahiran penulisan pada tahap yang hampir terperinci dan mantap. Walau bagaimanapun, terdapat juga murid yang berada pada tahap kukuh, iaitu Band 4, melibatkan 25% ($n = 6$) daripada keseluruhan responden. Peratusan terendah dicatatkan pada Band 1, iaitu hanya 4% ($n = 1$) murid, yang menunjukkan penguasaan kemahiran penulisan pada tahap asas minimum. Secara keseluruhannya, prestasi murid Tahun Dua dan Tahun Tiga SJK (T) Ladang Lanadron dalam kemahiran asas penulisan bahasa Melayu berada pada tahap yang baik, dengan majoriti murid mencapai tahap mahir atau hampir mahir.



Rajah 3. Peratusan Tahap Penguasaan Asas Kemahiran Membaca dalam Bahasa Melayu

Berdasarkan Rajah 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti murid Tahun Dua dan Tahun Tiga SJK (T) Ladang Lanadron berkemampuan membaca dengan tepat dari segi sebutan dan intonasi serta memahami konteks bacaan. Peratusan murid yang memperoleh Band 6 adalah paling tinggi, iaitu sebanyak 33% ($n = 8$). Pencapaian ini diikuti oleh Band 5 sebagai peratusan kedua tertinggi, iaitu 21% ($n = 5$), manakala Band 4 mencatatkan 8% ($n = 2$). Walaupun majoriti murid berada pada tahap Band 4 hingga Band 6, jumlah murid yang memperoleh Band 1 hingga Band 3 juga memerlukan perhatian. Secara keseluruhan, peratusan murid dalam kumpulan ini adalah 38% ($n = 9$), yang terdiri daripada Band 1: 12% ($n = 3$), Band 2: 8% ($n = 2$), dan Band 3: 17% ($n = 4$). Murid dalam kumpulan ini didapati kurang mahir membaca teks bahasa Melayu secara lancar serta menghadapi kesukaran dalam membunyikan huruf dengan tepat. Secara keseluruhannya, sebahagian besar murid Tahun Dua dan Tahun Tiga SJK (T) Ladang Lanadron mempunyai kemahiran asas membaca bahasa Melayu yang baik ketika ujian membaca dijalankan. Walau bagaimanapun, tahap kemahiran membaca, khususnya dalam kalangan murid yang berada pada Band 1 hingga Band 3, masih perlu dipertingkatkan melalui intervensi pengajaran yang lebih sistematik dan berfokus.


Perbincangan

Kemahiran menulis merupakan salah satu keupayaan asas yang perlu dikuasai oleh setiap individu dalam proses pembelajaran bahasa. Dalam konteks penguasaan bahasa, kemahiran asas menulis melibatkan kebolehan mengenal huruf, menggabungkannya menjadi perkataan, serta membentuk ayat yang lengkap dan gramatis. Menurut Raja Gopal et al. (2022), pencapaian akademik seseorang murid mempunyai hubungan langsung dengan tahap kemahiran menulis yang dimilikinya. Justeru, pihak sekolah perlu memberikan penekanan yang serius terhadap penguasaan kemahiran ini agar murid bukan sahaja mampu membina ayat dengan susunan yang tepat, malah berupaya melahirkan idea secara tersusun dan bernilai melalui penulisan. Sejajar dengan aspirasi pendidikan negara, penguasaan kemahiran menulis dalam Bahasa Melayu perlu diberi perhatian sejak peringkat awal persekolahan, termasuk dalam kalangan murid berbangsa India di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK (T)). Usaha ini penting bagi memastikan murid di sekolah Tamil mencapai tahap penguasaan bahasa Melayu yang optimum dan setanding dengan penguasaan bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Tamil. Berdasarkan dapatan ujian bertulis, majoriti murid Tahun Dua dan Tahun Tiga mencatatkan pencapaian pada Band 4, Band 5, dan Band 6 dengan jumlah keseluruhan 96% ($n = 23$). Hanya seorang murid (4%) berada pada Band 1. Merujuk kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Bahasa Melayu, pencapaian ini menunjukkan bahawa murid di SJK (T) Ladang Lanadron berada pada tahap penguasaan menulis yang kukuh, terperinci, konsisten, serta berpotensi menjadi model teladan. Walau bagaimanapun, beberapa kelemahan tertentu masih dapat dikenal pasti dan memerlukan intervensi pedagogi yang bersesuaian untuk memastikan perkembangan literasi menulis murid dapat dipertingkatkan secara menyeluruh.

Dalam ujian bertulis, soalan pertama dan kedua memerlukan murid memberikan perkataan yang tepat berdasarkan gambar objek. Walaupun kebanyakan murid dapat menjawab dengan betul, kesalahan ejaan kerap berlaku. Misalnya, perkataan *kasut* dieja sebagai *kasot*, manakala *rumah* dieja sebagai *ruma*. Kesalahan ini berpunca daripada kecenderungan murid mengeja berdasarkan sebutan lisan, di samping keterbatasan kosa kata bahasa Melayu yang dimiliki. Soalan ketiga pula menguji kefahaman murid melalui analisis teks ringkas yang terdiri daripada ayat tunggal, manakala soalan keempat menghendaki murid menyusun semula ayat dengan betul. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kebanyakan murid mengambil masa yang panjang untuk menjawab kedua-dua soalan ini; malah terdapat yang tidak menjawab soalan ketiga dan hanya meneka jawapan bagi soalan keempat. Kelemahan yang dikenal pasti dalam ujian bertulis ini mempunyai kaitan rapat dengan tahap kemahiran membaca murid. Kemahiran membaca merupakan asas yang perlu dikuasai dalam penguasaan bahasa kebangsaan. Menurut Lee dan Mydin Kutty (2022), KSSR menetapkan bahawa kemahiran membaca bahasa Melayu merangkumi keupayaan membaca dengan sebutan, intonasi dan jeda yang tepat, kelancaran bacaan, serta kefahaman terhadap konteks teks. Namun begitu, kemahiran ini sering menjadi cabaran kepada sebahagian masyarakat bukan penutur natif bahasa Melayu.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid yang memperoleh Band 1, Band 2 dan Band 3 merangkumi 38% ($n = 9$) daripada jumlah keseluruhan. Faktor utama pencapaian rendah ini termasuk keperluan mengeja setiap huruf sebelum membaca, kesukaran membunyikan gabungan huruf, dan ketidakmampuan membaca teks panjang dalam bahasa Melayu. Sebaliknya, murid yang memperoleh Band 4, Band 5 dan Band 6 secara umumnya mampu membaca teks bahasa Melayu dengan baik serta memahami kandungannya. Walau demikian, kelemahan masih wujud dalam aspek

pembunyian abjad, khususnya bagi gabungan vokal *diftong* (“ai”, “au”, “oi”) dan gabungan konsonan *digraf* (“ny”, “ng”, “kh”). Secara keseluruhan, hasil ujian bertulis dan ujian membaca menunjukkan majoriti murid Tahun Dua dan Tahun Tiga SJK (T) Ladang Lanadron berada pada tahap penguasaan yang tinggi. Namun, segelintir murid dengan pencapaian rendah memerlukan perhatian khusus bagi meningkatkan prestasi mereka. Justeru, pembinaan Model Digital Rimba Riang mengambil kira kelemahan ini bagi memastikan model yang dibangunkan mampu memberi impak positif secara efektif. Pelaksanaan Model Digital Rimba Riang (MDRR) dalam kalangan murid Tahun Dua dan Tahun Tiga di SJK (T) Ladang Lanadron dilaksanakan dengan penekanan khusus terhadap penguasaan asas fonetik kanak-kanak, yang dijadikan elemen teras dalam proses pembelajaran bahasa.



Rajah 4. Peratusan Tahap Penguasaan Asas Fonetik Bahasa Melayu Pasca Penggunaan Model Digital Rimba Riang

Rajah 4 memaparkan hasil dapatan ujian kedua yang menumpukan kepada penguasaan asas fonetik dalam kalangan murid Tahun Dua dan Tahun Tiga SJK (T) Ladang Lanadron. Analisis data menunjukkan bahawa 48 peratus, bersamaan dengan 10 orang murid, memperoleh Band Enam, iaitu peratusan tertinggi yang direkodkan dalam carta pai tersebut. Seterusnya, 33 peratus atau tujuh orang murid berada pada Band Lima, diikuti oleh 14 peratus (tiga orang murid) pada Band Empat. Selain itu, hanya lima peratus, mewakili seorang murid, berada pada Band Tiga. Secara keseluruhan, keputusan ujian kedua ini memperlihatkan bahawa murid-murid Tahun Dua dan Tahun Tiga SJK (T) Ladang Lanadron berupaya menguasai pengetahuan asas fonetik pada tahap Band Tiga hingga Band Enam. Lebih signifikan, tiada murid yang memperoleh Band Satu atau Band Dua selepas pengaplikasian Model Digital *Rimba Riang* dalam sesi pembelajaran di kelas, sekali gus menunjukkan keberkesanan intervensi tersebut terhadap peningkatan kemahiran asas fonetik. Penguasaan asas fonetik bagi penutur bukan natif bahasa Melayu, khususnya dalam kalangan kaum India dan Cina, merupakan aspek penting dalam membentuk pengucapan yang tepat bagi memastikan komunikasi dapat dilaksanakan dengan berkesan. Kemahiran asas fonetik membantu individu menghasilkan bunyi dengan lebih jelas serta meminimumkan kesilapan sebutan yang berpotensi menimbulkan salah faham.

Berdasarkan analisis dapatan kajian, pengkaji mendapati bahawa murid-murid SJK (T) Ladang Lanadron mempunyai kelemahan dalam aspek fonetik, merangkumi penyebutan dan pembunyian huruf. Kelemahan ini memberi implikasi terhadap keupayaan mereka menguasai kemahiran asas lisan dan tulisan. Sehubungan itu, Model Digital *Rimba Riang* (MDRR) dibangunkan sebagai intervensi bagi membantu murid mengatasi kekangan tersebut. MDRR merupakan permainan digital berunsur pembelajaran yang memfokuskan kepada penguasaan pengetahuan asas fonetik. Modul ini turut memuatkan paparan video muzik yang memperkenalkan bunyi huruf fonik, digraf, dan diftong secara interaktif. MDRR telah diaplikasikan dalam sesi pembelajaran Bahasa Melayu bagi murid Tahun Dua dan Tahun Tiga di dalam kelas.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan berlakunya peningkatan tahap penguasaan asas fonetik bahasa Melayu dalam kalangan murid selepas pengaplikasian MDRR. Peningkatan ini membuktikan keberkesanan MDRR dalam memperkukuh kemahiran asas fonetik. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR, majoriti murid berada pada tahap penguasaan memuaskan, baik, sangat baik dan cemerlang. Menariknya, tiada murid yang berada pada Band Satu atau Band Dua. Keberkesanan ini dapat dikaitkan dengan pendekatan MDRR yang berkonsepkan permainan digital, mampu menarik minat murid, serta menjadikan sesi pembelajaran lebih berkesan melalui pelbagai elemen interaktif seperti muzik, nyanyian, dan permainan yang boleh diakses menggunakan telefon pintar, komputer riba, serta tablet. Menurut Zahari et al. (2021), penggunaan elemen-elemen tersebut berupaya meningkatkan tahap kefahaman murid dan memupuk minat mereka untuk meneroka mata pelajaran secara lebih mendalam. Pendekatan ini juga mempelbagaikan kaedah pengajaran guru Bahasa Melayu di sekolah rendah. Kajian Chung dan Mohd Nordin (2021) mendapati bahawa pembelajaran berpusatkan murid mampu menggalakkan mereka menjadi lebih aktif, berdikari, dan produktif sepanjang proses pembelajaran.

Walaupun bagaimanapun, murid yang berada pada Band Tiga masih memerlukan perhatian khusus. Beberapa faktor dikenal pasti mempengaruhi keputusan ujian keberkesanan MDRR. Antaranya adalah perbezaan keupayaan murid dalam menyerap kandungan pembelajaran, yang menyebabkan sebahagian mereka tergolong sebagai murid lambat belajar (*slow learners*). Kumpulan ini menunjukkan perkembangan pembelajaran yang perlahan berbanding rakan sebaya akibat tahap kecerdasan intelektual yang rendah (Nurfadhillah et al., 2021). Mereka memerlukan masa yang lebih panjang untuk menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran baharu, khususnya jika telah terbiasa dengan pengajaran tradisional. Selain itu, faktor motivasi yang rendah turut menjadi penghalang kepada pencapaian optimum. Motivasi merupakan faktor penentu kejayaan murid; tanpa tahap motivasi yang tinggi, murid lambat belajar akan kurang memberikan usaha walaupun kaedah pengajaran telah dipertingkatkan.

Selain itu, dapatan kajian lepas seperti yang dilakukan oleh Yusri et al. (2020) bahawa pembelajaran berasaskan permainan adalah satu kaedah penting dalam Pendidikan Abad ke-21, yang boleh membantu guru menjadikan PdP lebih kreatif dan menarik. Integrasi elemen didik hibur (*edutainment*) dalam PdP Bahasa Melayu dilihat sebagai pendekatan yang menyokong peningkatan amalan pedagogi guru. Secara keseluruhannya, dapatan MDRR bertepatan dengan hasil kajian lepas yang menunjukkan keberkesanan aplikasi digital dalam P&P Bahasa Melayu, khususnya dalam aspek literasi asas. Namun, kesedaran tentang faktor motivasi, keupayaan kognitif, serta keperluan sokongan tambahan masih perlu diberi perhatian agar penggunaan aplikasi digital benar-benar dapat memberikan impak menyeluruh terhadap semua murid tanpa mengira tahap penguasaan. Secara keseluruhannya, dapatan ujian kedua menunjukkan majoriti murid Tahun Dua dan Tahun Tiga SJK (T) Ladang Lanadron memperoleh pencapaian band yang tinggi dan memuaskan. Keputusan cemerlang ini wajar dipelihara sebagai penanda aras bagi peningkatan prestasi murid pada masa hadapan. Justeru, MDRR telah membuktikan keberkesanannya dalam merealisasikan objektif penciptaannya, iaitu membantu murid menguasai kemahiran asas fonetik bahasa Melayu dengan lebih berkesan.

Kesimpulan

Pelaksanaan Model Digital *Rimba Riang* (MDRR) telah memberikan impak positif yang signifikan terhadap pembelajaran kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid sekolah rendah. Model digital ini direka bentuk khusus bagi membantu guru mengajar komponen kemahiran membaca, termasuk penguasaan diftong, digraf, dan ejaan, dengan lebih berkesan serta berupaya menarik minat murid untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Pengintegrasian MDRR dalam sesi pengajaran di dalam kelas bukan sahaja menjadikan pengajaran lebih interaktif dan menyeronokkan, malah turut meningkatkan tahap motivasi serta minat murid untuk belajar. Pendekatan ini selaras dengan prinsip pembelajaran abad ke-21 yang menekankan elemen interaktiviti, kepelbagaian kaedah, dan penglibatan aktif pelajar. Secara keseluruhan, pengkaji berharap kajian ini dapat memberikan inspirasi dan idea kepada guru-guru untuk membangunkan bahan bantu mengajar yang lebih kreatif, inovatif, dan sesuai dengan keperluan semasa. Penggunaan MDRR membolehkan guru mempelbagaikan strategi pengajaran dan tidak bergantung kepada satu pendekatan atau bahan semata-mata. Kajian ini membuka ruang kepada pengajaran yang lebih dinamik, berkesan, dan relevan dengan keperluan serta minat murid, sekali gus berpotensi meningkatkan keberhasilan pembelajaran secara menyeluruh.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada SJKT Ladang Lanadron, Panchor, Muar, Johor atas sokongan, bimbingan, dan kemudahan yang diberikan sepanjang penyelidikan dan penulisan ini. Segala sokongan, tunjuk ajar, serta dorongan daripada semua pihak amatlah dihargai dan menjadi pemangkin dalam menyempurnakan kajian ini.

Rujukan

- Ali, N. H., & Othman, Y. (2018). Strategi pembelajaran kemahiran menulis bahasa melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar Melanau Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 33-41. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/164>
- Chung, M. H. C., Mohd Nordin, N. (2021). Penilaian terhadap permainan interaktif didik hibur dalam pembelajaran tatabahasa bahasa melayu sekolah rendah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 9(2), 18–25. <https://jummecc.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/29938/13028>
- Bakhtaselvan, L., Haq Hussin, M. S., & Wong, S. Y. (2022). Pembangunan modul karangan e-bmku untuk kegunaan murid sekolah jenis kebangsaan tamil (SJKT): Development of E-BMKU Essay Module For The Use Of Tamil National Type School Students (SJKT). *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 33(1), 55–68. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/36430/14472>
- Farhan, M., Md Hamil, S., Azmi, N. N., Roslid, N. U. J., Zainal, N. N., Kamaruddin, N. B., Hamizi, N. I., Ismawi, N. Z., & Husin, M. R. (2020). Masalah Pembelajaran untuk Pelajar Pendidikan Khas: Dana dan Prasarana. *International Journal of Humanities, Management and Social Science (IJ-HuMaSS)*, 3(1), 1-10. <https://doi.org/10.36079/lamintang.ij-humass-0301.106>
- Raja Gopal, R., Janan, D., & Masran, N. (2022). Kekangan kemahiran membina ayat Bahasa Melayu dalam kalangan murid Tahun Empat SJKT. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001916, 1-21. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1916>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). Kajian berkaitan pentaksiran berasaskan sekolah. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Kupusamy, D., Omar, M. S., & Samsudin, N. H. (2022). Kemahiran bertutur dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan Tamil di daerah Seremban. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(2), 154 – 160. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/324/228>
- Lee, N. T., & Mydin Kutty, F. (2022). Meningkatkan kemahiran membaca dan motivasi murid bukan penutur natif dalam bahasa melayu melalui kaedah ekspres-I. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001520. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1520>
- Mahamod, Z., Mazlan, R., Amin, N., & Abd. Rahman, M. Z. (2021). Tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu: The level of proficiency in reading and writing by B40 students in Malay Language. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 40-62. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.4.2021>
- Nahar, N., & Abd. Rahman, F. (2018). Tahap penguasaan kemahiran bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur natif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLEJ)*, 8(1), 74-83. <https://journalarticle.ukm.my/11838/>
- Nik Abdullah, N. N. A., Jamil, N., & Rahman, S. N. (2023). Pembangunan kad bacaan dalam membantu kemahiran membaca kanak-kanak 4 tahun. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(2), 18-29. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.2.3.2023>
- Nurfadhillah, S., Setyorini, A., Armianti, I. J., Fadilla, L. N., & Adawiyah, R. (2021). Penggunaan media alat peraga pada mata pelajaran ilmu pengetahuan alam dalam upaya meningkatkan hasil belajar siswa SD Negeri Kampung Melayu III. *PENSA: Jurnal Pendidikan dan Ilmu Sosial*, 3(2), 243–255. <https://ejournal.stitpn.ac.id/index.php/pensa/article/view/1295>
- Sivarananam, S. (2019). Penguasaan golongan kata dalam kalangan murid SJKT. *Rumpun: Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 1-24. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/9>
- Yusri, A. A., Zainal, M. Z., & Ismail, I. M. (2024). Pembelajaran berasaskan permainan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Suatu tinjauan literatur. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 12(1), 15–26. <https://doi.org/10.17576/jatma-2024-1201-02>

Zahari, N. H. A. H., Syed Bidin, S. N. B., & Wan Syamsuddin, S. N. (2021). Kepentingan pengajaran dan pemudahcaraan berbantuan permainan digital bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 19 - 28. <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/189>